

Abang bomba sedia terima tawaran berlakon

Kuala Terengganu

Pendatang baru dunia hiburan tanah air yang semakin meningkat, Nursyafiq Farhain tidak menolak kemungkinan terbabit dengan dunia lakonan jika mendapat tawaran daripada syarikat produksi.

Anggota bomba yang lebih mesra dipanggil Syafiq Farhain berusia 24 tahun itu juga sedia memegang peranan sebagai watak jika diberi peluang.

"Minat berlakon tetap ada

walaupun tidak 100 peratus, jika ada terima tawaran menarik dan tidak menganggu kerjaya sebagai anggota bomba boleh dipertimbangkan. Saya akan melihat lebih terperinci sebelum menerima tawaran daripada mana-mana syarikat.

"Saya mempunyai kerjaya tetap sebagai anggota bomba dan masa senggang ketika di luar tugasan pula ditumpukan kepada bidang nyanyian," katanya ketika

ditemui selepas Malam Gala TT8 Kemajlis GEN-T, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) di Taman Tamadun Islam (TTI) di sini.

Penyanyi berasal dari Setiu yang kini popular dengan lagu Sayang Maafkan Aku itu mengakui selakat ini belum mendapat sebarang tawaran untuk berlakon sama ada filem atau drama.

"Buat masa ini saya belum menerima sebarang tawaran, peralihan karier seni masih jauh dan banyak yang perlu

dipelajari sebelum bergelar pelakon," katanya.

Bercakap mengenai album penuh, anggota bomba di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Putrajaya yang pernah menuntut di Universiti Sultan Zainal Abidin (UnitZA) Gong Badak itu tidak bercadang menerbitkan album buat masa ini, namun tidak menolak kemungkinan mengeluarkan album pertama nanti.



NURSYAFIQ